

15/03/2001

Kerajaan sedia majukan Kampung Medan

Nadzim Ahmad Jamaluddin; Nor Afzan Mohamad; Johan Afandi
PETALING JAYA, Rabu - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bersedia bekerjasama dengan kerajaan Selangor dan pihak berkuasa tempatan bagi memajukan kawasan Kampung Medan dan sekitarnya.

Menterinya, Datuk Ong Ka Ting, berkata dalam masa terdekat ini, kementeriannya akan menumpukan pada projek perumahan bagi menempatkan penduduk rumah panjang KTM Kampung Medan yang terbengkalai sejak empat tahun lalu.

"Saya akan mendapatkan maklumat daripada semua jabatan berkaitan mengapa projek itu terbengkalai begitu lama," katanya selepas mengadakan perjumpaan dengan penduduk rumah panjang KTM Kampung Medan, petang ini.

Katanya, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam mesyuarat kabinet hari ini, mengarahkan kementeriannya bekerjasama dengan kementerian lain bagi menyelesaikan masalah penduduk kawasan itu.

Selain itu, beliau juga akan memastikan penduduk sekitar menerima kemudahan asas dan selepas meninjau kawasan perumahan itu, Ong bersetuju bahawa kawasan itu memerlukan perhatian kerajaan.

"Apa yang saya lihat hari ini, menguatkan azam saya bagi menyelesaikan masalah itu secepat mungkin termasuk projek rumah flat yang terbengkalai itu," katanya.

Sementara itu, seorang Profesor dari Jabatan Antropologi dan Sosiologi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berkata, penempatan setinggan perlu dibangunkan segera bagi mengelak pelbagai masalah sosial dan sistem kemasyarakatan yang tidak sempurna.

Beliau yang tidak mahu namanya disiarkan berkata, kajian pihaknya mendapati pelbagai masalah sosial yang serius sering berlaku di kawasan setinggan yang penduduknya dikategorikan sebagai miskin, kurang pendidikan selain menghadapi tahap pengangguran tinggi.

"Sehubungan itu, projek pembangunan semula kawasan setinggan di pinggir bandar raya perlu dikaji semula oleh pihak berkuasa," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini. Beliau mengenai masalah sosial yang sering berlaku di kawasan penempatan setinggan.

Malah, katanya, kajian pihaknya mendapati penduduk di situ bukan saja berpendapatan rendah, malah ada kanak-kanak di kawasan terbabit langsung tidak menerima pendidikan.

(END)